



'Parameswara' pelantar jenis Jack-Up BMC 300 yang sedang dibina di limbungan kapal Jurong, Singapura

'PARAMESWARA' Kemegahan Petronas

'PARAMESWARA', nama raja yang masyhur di zaman kegemilangan negeri Melaka terpilih sebagai nama pelantar penggerudi minyak PETRONAS yang pertama.

Pelantar penggerudi minyak itu akan memulakan kerja-kerja menarikali di luar pantai Trengganu menjelang awal tahun depan.

Nama pelantar penggerudi tersebut telah dipilih dari satu pertandingan yang diadakan pada penghujung tahun lepas. Ia telah dimenangi oleh Wan Fauziah Wan Mohamad dari Jabatan Perkhidmatan Bersama dan Farah Diba Haji Abdul Mutalib dari Kumpulan Pengurusan Projek, PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. Pertandingan itu disertai oleh seramai 590 orang kakitangan PETRONAS dan anak-anak syarikatnya.

Pelantar jenis Jack-Up BMC 300 yang sedang dibina di limbungan kapal Jurong, Singapura, kini dalam peringkat akhir pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

'Parameswara', yang dibina oleh Syarikat Promet Bhd. Singapura sejak bulan Ogos tahun lalu akan

dikendalikan oleh PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.

Menurut Wan Fauziah, seorang Operator Teleks, 'Parameswara' adalah lambang kemegahan sejarah tanah air.

"Ia merupakan Sultan Melaka yang pertama memeluk dan menyebarkan agama Islam pada kurun yang ke 15," ujarnya.

Farah Diba pula menyatakan keunggulan Parameswara menyebabkannya memilih nama tersebut "Pelantar PETRONAS yang pertama ini merupakan sejarah bagi organisasi kita, oleh itu ia mestilah diberi nama yang paling sesuai," jelas Farah Diba yang bertugas sebagai juruteraip.

Mereka telah memenangi hadiah tiket kapal terbang pergi balik ke Singapura untuk dua orang dengan tempat tinggal selama dua hari dan wang tunai \$500.

Hadiyah-hadiyah tersebut telah disampaikan oleh Dr. Abdul Aziz Haji Mahmud, Pengarah Urusan PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. dalam satu majlis sederhana di Pejabat PETRONAS Carigali, Wisma Pelandang baru-baru ini. ☈